STUDIUM GENERALE
FAKULTAS DAKWAH - IAIN PURWOKERTO
Generasi millenial yang cerdas dalam akademik dan berdakwah
Narasumber
Dr. Ahmad Abdul Malik, M.A
(Dosen University Sains Islam Malaysia – USIM)
Veve Zulfikar Basyaiban
(Influencer & Pelantun Sholawat)
Pelaksanaan
Jum'at
23 Oktober 2020
Pkl. 08.30 WIB
FREE
Moderator
Nurma Ali Ridlwan, M.Ag
(Dosen IAIN Purwokerto)
Pendaftaran :
https://s.id/sg_dakwah
Via Aplikasi zoom
Meeting ID : 746 568 0770
Pascode : dakwah
https://zoom.us/j/7465680770?pwd=MmFLdExncjBLNzRRQS9WMOhPcDJUUT09
YouTube
LIVE STREAMING
Fakultas Dakwah IAIN Purwokerto
More Info : Ageng Widodo (0857-6668-8234), Nur Azizah (0819-0290-9788)

"*Generasi Millenial: Cerdas dalam Akadamik dan Berdakwah*"

PERANAN INSTITUSI ISLAM DALAM DAKWAH KEPADA MASYARAKAT MAJMUK DI INDONESIA

BY
DR AHMED ABDUL MALIK
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Pendahuluan

Islam merupakan agama yang sempurna dan tinggi kedudukannya. Nilai-nilai Islam perlu dilaksanakan untuk mengecapi sebuah masyarakat yang bahagia. Ia merupakan salah satu keperluan yang amat penting bagi umat manusia di muka bumi ini. Ini adalah untuk memenuhi kehendak naluri manusia. Salah satu cara untuk memenuhi kehendak ini adalah melalui pembentukan institusi agama yang penuh dengan peranan yang sepatutnya wujud . Justeru itu islam menyediakan satu garis panduan yang merangkumi asas-asas untuk memimpin manusia mencapai kebahagiaan yang mereka mahukan sekali gus mendapat keredaan Allah.

Institusi Islam bukan hanya untuk Pendidkan Islam saja, akan tetapi ia adalah pusat Dakwah dan nadi kegiatan ummah, sama ada dari segi kerohanian atau keduniaan seperti kegiatan yang menyentuh perhubungan antara manusia dan pencipta (Allah). Begitu juga, perhubungan manusia sesama manusia, kegiatan ekonomi, sosial, keilmuan dan pentadbiran negara. Ia adalah tempat melaksanakan segala kegiatan manusia yang mencerminkan kepatuhan dan ketaatan kepada Allah.

Dakwah adalah satu tanggungjawab setiap mereka yang memegang kalimat suci "*Lailahaillallah*". Kalimah ini adalah satu tiket kepada orang Islam untuk dipegang dengan baik (istiqamah) untuk masuk ke syurga Allah swt. Umat Islam terbaik bukan dengan sebab sujud dan ruku', tetapi kerana umat Islam adalah umat yang mengajak orang lain untuk berbuat baik.

Allah berfirman: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik".(Al-Imran: 110).

Keseluruhan umat Islam dipikulkan dibahunya gagasan dakwah kerana umat Islam adalah individu yang memegang kalimah dan memahami falsafah disebalik kalimah, maka terkeluarlah mana-mana orang yang tidak memegang kalimah, dan tidak tahu akan tanggungjawabnya dengan kehebatan kalimat keramat yang dipegangnya.

PERANAN INSTITUSI ISLAM DALAM DAKWAH KEPADA MASYARAKAT MAJMUK

Generasi Tekno Dai Memerlukan Gagasan Yang Jelas

1. Menerapkan Konsep *Islam Rahmatan Lil Alamin.*

Rasulullah saw hadir dengan dua rahmat iaitu Wahyu dalam bentuk Al-Quran dan juga Sunnah Baginda. Konsep *Rahmatan Lil Alamin* adalah satu perkara yang boleh dilaksanakan berdasarkan politik kekuasaan dalam pemerintahan yang berlandaskan hukum Al-Quran dan Al-Sunnah. Konsep Akhlak Al-Karimah yang Baginda saw adalah contoh akhlak terbaik terdapat di dalamnya doktrin spiritual dan kerohanian yang serba lengkap. Baginda juga meletakkan asas dan mengajar cara-cara dan kaedah untuk merealisasikan konsep dan doktrin akhlak tersebut. Inilah tiga perkara penting sebagai dasar dan bingkai besar *Rahmatan Lil Alamin*.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam. (Al-Anbiya'. 21:107)

Rahmat yang dibawa oleh Baginda sama sekali tidak berdasarkan kepada norma-norma dan budaya masyarakat semasa, melainkan bahawa kewujudan itu adalah suatu keberhutangan. Konsep *Rahmatan Lil Alamin* harus berimbang selayaknya mengikut uslub dan cara Al-Quran. Maka tertolak suatu pendekatan berlembut dan mengenepikan ketegasan secara total. Rahmat itu membawa kelangsungan bawaannya Nabi Muhammad saw secara menyeluruh. Maka terkeluar dari Rahmat itu suatu tindakan atas nama Rahmat tetapi tidak mengikut cara Nabi saw. Tiada tempat berlembut untuk respon kepada apa-apa

juga tindakan dan perkataan yang menghina Islam. Bahkan tiada tempat sama sekali di sisi Allah swt mana-mana orang yang bersikap ananiah, bongkak dan takabbur seperti Iblis yang tidak mahu sujud kepada Nabi Adam as. *Rahmatan Lil Alamin* juga termasuk melaksanakan suruhan berbuat baik. Bermakna menyediakan dasar pendidikan terbaik, membina bangsa yang baik, berilmu agama dan duniawi, bermanfaat kepada kelangsungan agama dan negara bangsa.

2. Memerlukan Gagasan Yang Jelas

Mengambil sikap dalam satu- satu perkara adalah penting agar satu-satu perkara yang dipercayai dan dipegang itu dapat diekspresi dengan jelas dan terarah. Seorang pendakwah di media apapun perlulah mempunyai gagasan yang jelas tentang matlamat dan agenda dakwahnya. Sehubungan dengan itu seorang pendakwah perlu mengetahui kenapa usaha-usaha dakwah perlu dibuat dan bagaimana ia perlu dilaksanakan. Cabaran dakwah semakin luas dan mencabar saat ini, lanskap politik, kecenderungan pemimpin, soal ras dan bangsa dalam kerangka CIC (controled, influenced & concerned) perlu diteliti dan diperhalusi agar gagasan firm dan establish. Kerangka dakwah perlu disusun dan diperhalusi. Apa yang perlu didahulukan, bagaimana dakwah digerakkan mesti dibuat.

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (الأنعام: ١٥٣).

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-

jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.

3. **Bersikap Tegas Dengan Orang Kafir**

Ketegasaan adalah suatu sikap yang terpuji dan tidak bertentangan dengan ketentuan syarak. Ketegasan di sini juga bukannya kekerasan atau anarkisme atau brutalisme. Sebarang tindakan oleh orang Islam yang dilihat keras perlulah didefinisikan semula samada ia satu yang menunjukkan ketegasan sikap atau bersifat reaction kepada satu keadaan yang menghina Islam.

Dalam surah Al Fath. Allah berfirman:

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ اللَّهِ ۚ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ

Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). (48:23)

Tiada seorang pun yang boleh menafikan bahawa sikap lemah lembut dan bijak adalah sikap yang baik dan terpuji bahkan perlulah mendahului dalam pelbagai situasi dan kondisi dalam menegakkan dan menyatakan kebenaran Islam. Berlembut bukan reaksi terhadap kesesatan, penyelewengan dan pembantaian terhadap orang Islam.

Tidak tegas terhadap penghinaan agama Islam adalah suatu kemunafikan. Islam adalah agama damai tetapi dalam masa yang sama tidak tega terhadap pelecehan terhadap sang Pencipta, Al- Quran, Al-Sunnah dan sekujur tubuh Baginda Rasulullah saw, kaum keluarga dan pada sahabat.

4. **Menangani Masalah Sebenar**

Real problem dan presenting problem bagai suatu tindakan menutup bekas gula dari dimasuki semut atau menghalau semut setiap kali semut memasuki bekas gula.

Mengenal pasti masalah sebenar akan melahirkan goal, visi dan misi serta objektif yang benar. Mengenal pasti kebenaran yang benar juga akan melahirkan sarwa yang benar dan pandangan yang benar. Melahirkan juga tindakan, pengaturan dan program yang benar. Semuanya dalam kerangka Islam itu yang mengaturkan dan bukan Islam itu diatur. Aspek amar maaruf atau pendidikan menjadi keutamaan bagi melahirkan masyarakat berilmu yang memberi manfaat kepada negara bangsa, pendidikan yang terbaik dan mewujudkan kelompok bangsa berilmu.

Jika masalah dikenal pasti, langkah permulaan dalam suatu perjalanan yang sangat jauh adalah satu langkah kemenangan di sisi Allah swt.

"The joiney of thousand mile begin with a single step"

5. **Melahirkan Umat Yang Penuh Dengan Kebijakkan**

Orang yang berilmu digambarkan oleh Rasulullah saw sebagai seseorang yang mempunyai keutamaan seperti Baginda dan seseorang yang beribadah umpama

kedudukan umatnya yang paling rendah dikalangan umatnya. Orang yang cerdik atau bijak atau *wise* pula dinyatakan oleh Baginda sebagai orang yang mempersiapkan dirinya dan beramal untuk hari setelah kematiannya. Gabungan berilmu dan cerdas ini adalah prinsip yang sangat penting diketengahkan dan sangat perlu dan utama melahirkan umat yang mempunyai dua gabungan mantap antara ilmu pengetahuan dan kebijakan ini.

Soal keilmuan ini tertakluk kepada soal yang menyangkut tentang kefahaman agama seseorang. Ini jelas bila Rasulullah menyatakan bahawa sesiapa yang Allah kehendaki kebaikan maka Allah akan memberikan kefahaman agama (Faqih).

Allah berfirman:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَن يَشَاءُ ۚ وَمَن يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: “Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak.” (Al-Baqarah: 269).

Jalan ke arah ini hendaklah dibuka oleh yang bertanggungjawab untuk mempelajari, memahami, mengamalkan dan istiqamah. Kefahaman agama Islam yang benar sangat penting apatah lagi dalam suasana pemikiran pasca moden kini. Semakin tinggi kefahaman agama seseorang itu, semakin tinggi darjatnya di sisi Allah swt.

6. **Mewujudkan Kesatuan Ummah**

Cabaran besar hari ini adalah perpecahan dan persengketaan sesama umat Islam. Perpecahan yang nampak ketara membimbangkan adalah perpecahan akibat politik. Perpecahan ini mempengaruhi fungsi ilmu di masjid dan surau di seluruh Selangor. Makin merungsingkan, atas nama dan ketaasuban politik, sesuatu yang dari Allah swt dan Nabi saw turut dikatakan fakta yang bersifat politik. Sehubungan dengan

itu agensi perlu mendidik umat Islam bagaimana menghikmahi dan berakhlak dengan pendapat yang berbeza-beza. Perkara berkaitan konsep redha perlu diperjelaskan dengan tepat dan dapat difahami dengan jelas.

Allah berfirman

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا.

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai” (Al-Imran: 103).

7. **Mewujudkan Khidmat Kemasyarakatan**

Khidmat masyarakat adalah tanggungjawab dalam mengisi dakwah lapangan atau outreach yang mendukung hasrat dan semangat caring, sharing dan loving dalam Islam melalui insititusi vital agama Islam.
Khidmat kemasyarakatan yang menggunakan sebahagian dana zakat atau tabung masjid perlulah menjurus dalam soal kesiapsiagaan menghadapi musibah bencana dan malapetaka. Khidmat masyarakat akan menunjukkan kepedulain tanpa Islam tanpa mengira batas ras, agama, parti, status social, latar belakang sosio ekomoni, latar pendidkan, jantina dan umur. Keperihatinan dan cakna kepada persekitan masyarakat setempat perlulah mendahului sehingga kepedulian mensasar dan mengenai individu atau kumpulan yang selayaknya.

Salah satu kepedulian penting adalah memberi bimbingan ibadat yang asas kepada anak kariah Islam, bantuan kecemasan dan penawaran bentuk-bentuk bantuan, khusunya bantuan asas yang berbentuk bantuan fizikal *one off*, penglibatan dalam sebahagian dana besar dan bantuan asas sara hidup. Sudah tiba masanya masjid dan surau perlu menyediakan kolam-kolam besar menampung air bukan sahaja untuk kegunaan berkaitan hadas kecil, hadas besar dan taharah, tetapi menjadi pusat utama bantuan asas air jika mengalami petaka yang melibatkan keperluannya secara suci lagi menyucikan untuk keperluan pelbagai lapisan masyarakat.

Allah berfirman:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan” (Al_Ma’idah: 2).

8. Institusi Islam menciptakan generasi tekno-da'i pada era globalisasi

Perlunya Pendakwah Dalam Media Sosial

Definisi tekno-da‘i

Istilah tekno-da‘i mula digunakan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) semenjak tahun 1999. Beberapa siri seminar dan bengkel telah diadakan oleh IKIM bagi mengupas dan membincangkan konsep dan pelaksanaan tekno-da‘i.

Apakah yang dimaksudkan dengan tekno-da‘i? Secara mudah, istilah ini ialah gabungan dua perkataan yang mempunyai asal-usul dari dua bahasa yang berbeza. Istilah “tekno” diambil daripada istilah bahasa Inggeris “techno” yang dapat dikesan asal-usulnya daripada bahasa Yunani (Greek) iaitu “technē” yang boleh ditakrifkan sebagai seni, kaedah atau kemahiran dalam melakukan sesuatu. Da‘i pula diambil daripada bahasa Arab yang lazimnya diterjemahkan sebagai “pendakwah”.

Maka, apabila digabungkan kedua-dua istilah yang berasal daripada dua bahasa yang berbeza ini, kita boleh menyimpulkan bahawa tekno-da‘i ialah golongan pendakwah yang menggunakan seni, kaedah atau kemahiran tertentu untuk menyampaikan risalah Islam. Seni, kaedah atau kemahiran ini boleh merujuk kepada kepada pelbagai perkara termasuklah penggunaan teknologi, aplikasi, perisian dan perkakasan moden dalam kerja-kerja dakwah.

Media Sosial

Media sosial adalah situs atau layanan daring (online) yang memungkinkan penggunanya tak hanya mengonsumsi, tapi juga berpartisipasi membuat, mengomentari, dan menyebarkan beragam konten dalam berbagai format: teks, gambar, audio, atau video.

Kalau ditanya apa saja layanan yang termasuk media sosial, mungkin mudah untuk kita langsung menyebut beberapa merek populer seperti Facebook, Twitter, Instagram, YouTube, Whatsapp, dll.

Tekno Dakwah adalah *Da'wah bil Hikmah*

Hari ini kita menyaksikan hampir 1.6 bilion manusia yang menganut agama Islam di seluruh pelosok dunia. Ini bukti jelas kejayaan proses dakwah yang dijalankan selama ini oleh golongan pendakwah dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah yang difikirkan sesuai dengan bangsa, tempat dan masa tertentu.

Hal ini sebagaimana firman Allah: "*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*" (Al-Nahl:25).

Ayat ini menggariskan tiga pendekatan dakwah iaitu dengan menggunakan hikmah kebijaksanaan, memberi nasihat pengajaran yang baik dan berbahas menggunakan cara yang lebih baik. Jika dilihat kepada ketiga-tiga pendekatan ini, wujud satu keperluan bagi umat Islam untuk menggunakan kaedah-kaedah terkini bagi tujuan dakwah terutamanya dalam zaman media sosial yang mencabar hari ini.

Hakikat kehidupan hari ini ialah manusia tidak dapat lari daripada bergantung dan menggunakan teknologi. Dalam kata lain, kehidupan manusia hari ini berkisar dengan teknologi, iaitu bersifat teknosentrik. Menyesuaikan pendekatan dakwah dengan realiti semasa menuntut umat Islam melahirkan golongan pendakwah yang dinamakan *tekno-da'i* ini.

Pembentukan generasi *tekno-da'i*

Mungkin ada yang beranggapan bahawa *tekno-da'i* ini seorang individu yang mempunyai pengetahuan agama dan pada waktu yang sama mempunyai pengetahuan mengenai teknologi. Hakikatnya golongan *tekno-da'i* dalam konteks abad ke-21 ini boleh dibentuk sebagai satu jemaah yang mempunyai kepakaran mereka yang tersendiri.

Di dalam jemaah tersebut, terdapat orang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang agama di hadapan tabir yang menyampaikan mesej *amar maaruf nahi munkar*. Beliau disokong pula oleh beberapa individu di belakang tabir yang mempunyai pengetahuan di dalam bidang teknologi yang menyediakan bahan dakwah dalam bentuk yang inovatif, interaktif dan menarik untuk disampaikan kepada orang ramai menggunakan pendekatan dan aplikasi teknologi terkini.

Dalam perkataan lain, golongan *tekno-da'i* ini sebenarnya sekumpulan individu yang mempunyai latar belakang yang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang satu iaitu ingin menegakkan syiar dan syariat Islam yang mengajak manusia ke jalan kebenaran. Ini merupakan satu kerjasama pintar yang membentuk sinergi di antara golongan agama dengan golongan teknologis.

Tanggungjawab dakwah Tanggungjawab bersama

Tanggungjawab menjalankan dakwah ialah tanggungjawab semua orang Islam. Dakwah tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas bahu satu-satu pihak semata-mata. Dalam konteks *tekno-da'i*, ini membuka peluang kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi untuk turut sama berdakwah dengan bekerjasama dengan golongan alim ulama dalam menjalankan kerja-kerja dakwah.

Golongan teknologis bertanggungjawab mempakejkan Islam menggunakan teknologi terkini supaya Islam dapat disampaikan secara lebih berkesan dan cekap. Golongan alim ulama pula menyediakan bahan kandungan yang amat diperlukan bagi tujuan dakwah. Perlu disedari bahawa cabaran yang menanti umat Islam hari ini ialah ketandusan dan kekurangan bahan-bahan Islam yang dipakejkan menggunakan teknologi khususnya dalam era media sosial ini.

Generasi *tekno-da'i* pandai memanfaatkan media sosial

Aplikasi media sosial semakin popular hari ini. Maka, para pendakwah boleh memanfaatkan media sosial untuk berdakwah. Banyak bahan dakwah boleh dimuat naik dan dikongsikan menerusi media sosial. Memandangkan media sosial amat popular dalam kalangan rakyat Malaysia, media sosial menjadi satu wadah yang boleh mendekatkan pendakwah kepada masyarakat siber.

Rata-rata generasi hari ini ialah generasi celik teknologi. Bagi menghampiri golongan ini, pendekatan terkini perlu dimanfaatkan. Atas sebab ini, perlu ada satu golongan pendakwah yang bijak dan selesa berdakwah dalam media sosial. Mereka ini tidak semestinya pakar dalam menggunakan ICT tetapi memadai mempunyai keupayaan memanfaatkannya bagi menjalankan tugas-tugas *amar maaruf nahi munkar*. Malah sekiranya mereka bekerjasama dengan mereka yang pakar mengenai teknologi media sosial, manfaat yang akan diperoleh oleh gerakan dakwah Islamiah adalah lebih besar.